



SIARAN MEDIA

JABATAN HAL EHWAL VETERAN, KEMENTERIAN PERTAHANAN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JHEV ATM, TINGKAT 20, MENARA TH PERDANA, JALAN SULTAN ISMAIL, 50250 KUALA LUMPUR

TEL : 03-2050800

FAKS : 03-26917564

Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) telah mengeluarkan kenyataan berikut:-

PROGRAM SINAR AIDILFITRI YAYASAN LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA BERSAMA JABATAN HAL EHWAL VETERAN

GOMBAK, 17 APRIL 2023 – Hasrat Kementerian Pertahanan dalam merealisasikan Pelaksanaan dan Halatuju Kertas Putih Pertahanan (KPP) terus konsisten dengan membantu Veteran ATM yang tergolong dalam golongan rentan ekonomi menerusi **Program Sinar Aidilfitri Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (YLTAT) bersama Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV).**

Menerusi program kolaborasi strategik ini, YLTAT dan JHEV ATM membuat kunjungan kebajikan ke rumah Veteran ATM dan balu yang mengalami sakit kritikal serta tinggal dalam keadaan daif. Disamping bertanya khabar, sumbangan wang tunai secara *one-off* serta barangan keperluan harian kepada dua Veteran ATM yang juga merupakan penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) melalui JHEV telah diberikan kepada kedua-dua penerima manfaat untuk membantu meringankan beban kos sara hidup mereka. Penyampaian tersebut disempurnakan oleh **Ketua Eksekutif YLTAT, Dato' Dr. Mohd Nizar bin Haji Sudin** diiringi **Pengarah JHEV Cawangan Negeri Selangor, Komander Azman bin Yusoff TLDM.**

Kunjungan dua (2) buah rumah adalah seperti berikut:-

1. Encik Abdullah bin Ramli, berusia 63 tahun yang menghidap strok serta hilang deria kawalan pembuangan najis. Veteran tidak berpencen ini juga telah menerima Bantuan Peralatan Pesakit yang disalurkan melalui JHEV ATM.
2. Puan Hamsiyah binti Tepap @ Abdul Wahab, balu kepada Allahyarham Abd Hamid bin Abd Majid, berusia 75 tahun yang menghidap kerosakan saraf kaki dan hanya bergerak menggunakan kerusi roda (*berstatus OKU*).

Terdahulu, YLTAT dengan Kerjasama JHEV telah menyantuni **Encik Mohamad Redzwan bin Sumiri** di Selayang, Selangor, **Puan Enson binti Sukira**, balu veteran Allahyarham **Zulkifli bin Abdullah** di Cheras, Kuala Lumpur dan **Puan Aniza binti Jamaludin**, balu veteran Allahyarham **Sarjan Ahmad bin Saadan** di Puchong, Selangor.

Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (YLTAT) telah ditubuhkan pada 26 April 2000 oleh Syarikat Kumpulan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (Kumpulan LTAT) yang diterajui oleh Boustead Holdings Berhad (BHB) dan dahulunya dikenali sebagai Yayasan Warisan Perajurit (YWP). Pada 1 Mei 2021, Yayasan LTAT telah melalui transformasi serta penstrukturan semula dan diuruskan secara sepenuhnya

masa oleh pengurusan dan kakitangannya sendiri dengan tujuan utama penubuhan iaitu untuk menjaga kebajikan serta membiayai pendidikan anak-anak anggota dan Veteran ATM. Sebagai institusi yang berfokus kepada pendidikan dan kebajikan warga ATM, YLTAT akan kekal komited dalam merangka inisiatif yang mampu memberi nilai tambah kepada pembangunan kebajikan perwira negara serta ahli keluarga mereka dengan bekerjasama bersama pihak-pihak berkepentingan.

Untuk makluman, pada September hingga Disember 2022, YLTAT telah memperuntukkan sumbangan bagi inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) pendidikan dan kebajikan sebanyak **RM3,832,489** yang memberi impak kepada seramai **19,149 penerima manfaat**.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi **Puan Mariana binti Abd Hamid, Eksekutif CSR Korporat YLTAT (016-328 3636)** atau **Cik Afiqah Muhassanah binti Ahmad Murad, Eksekutif Komunikasi Korporat YLTAT (018-261 3093)**.

JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM

KEMENTERIAN PERTAHANAN

17 APRIL 2023